

## ABSTRAK

PEMERIKSA (2)

Reformasi pentadbiran: persepsi, pelaksanaan kerja dan prestasi di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor adalah satu kajian yang dibuat untuk menilai sejauhmana kesan reformasi pentadbiran ke atas kakitangan awam. Penyelidikan dibuat untuk mengetahui persepsi kakitangan terhadap reformasi pentadbiran yang telah dijalankan, kesan ke atas pelaksanaan kerja dan kesan reformasi tersebut ke atas prestasi kakitangan awam khususnya di Jabatan Imigresen Malaysia cawangan Shah Alam, Lapangan Terbang Subang dan Kajang.

Penyelidikan ini mengambilkira kesan pembaharuan sejak 1980 hingga kini. Kajian berkisar tentang pembaharuan sistem dan prosedur, unsur etika dan nilai-nilai murni serta pengurusan sistem yang beroperasi kini. Unsur-unsur sampingan seperti motivasi, budaya kerja, produktiviti, kualiti, peranan pengurusan atasan, ledakan teknologi dan globalisasi serta persekitaran semasa adalah antara isu yang perlu digarap sama untuk mengukuhkan perbincangan tentang reformasi pentadbiran ini.

Reformasi pentadbiran amat penting selaras dengan perubahan peranan pentadbiran dan perkhidmatan awam dewasa ini. Namun begitu pembaharuan tersebut tidak perlu dibuat secara drastik tetapi dilakukan secara konsisten untuk menjamin keberkesanannya. Pembaharuan boleh dibuat secara *incremental* yang bersifat penambahbaikan dari dasar dan polisi yang telah dibuat untuk meningkatkan keefisyenan dan keefektifan perkhidmatan awam.